

# Pendidik dan pelajar UMS jayakan program akademik bersama 33 murid sekolah

NST 21.7.2018 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Pendidikan dan Psikologi UMS, yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif bersama tujuh orang pelajar terdiri daripada pelajar PHD dan Sarjana Muda (TESL) Tahun Akhir telah menjayakan Program Pecutan Akhir UPSR dan Program Robotics In English Language Learning bersama 33 orang murid yang terdiri daripada 28 orang murid Tahun 5 dan 6 SK Kayau, Papar dan lima orang murid Tahun 6 SK Lingan, Papar, bertempat di Sekolah Kebangsaan Kayau, Papar.

Pengisian dalam program pertama iaitu Pecutan Akhir UPSR memberi pendedahan kepada murid mengenai topik Pecahan, Bahagi dan Darab dalam mata pelajaran Matematik.

Murid dibahagikan ke dalam kumpulan kecil dan diberi latihan untuk menyelesaikan permasalahan topik tersebut.

Manakala pengisian ke-

dua iaitu Program Robotics in English Language Learning pula memberi pendedahan kepada murid tentang topik Tenses dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Murid menjawab soalan objektif Bahasa Inggeris dengan bantuan alat robotik dan ICT bagi membuat suasana pengajaran dan pembelajaran lebih seronok.

Guru Besar SK Kayau, Encik Mohd Yusrie Bin Hj Masri dalam ucapannya pada penutupan program tersebut berkata, beliau bersyukur dan berterima kasih atas kesudian Prof. Madya Dr. Sabariah Sharif dan pelajar UMS untuk bekerjasama dengan pihak sekolah.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih kepada Guru Besar SK Lingan, Papar iaitu Encik Ag Satiah Bin Pg Hj Abdul Rahman atas pelibatan sekolah beliau dalam program-program tersebut bagi meningkatkan hubungan jaringan kerja di antara sekolah-sekolah di Papar.